

29 JUN 1997

Megat-Ubat

PENGELUAR UBAT DAN BARANGAN PENGGUNA DIARAH SIASAT CONTOH UBAT

KAMPAR, 29 Jun (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengarahkan pengeluar barangan pengguna terutama ubat-ubatan supaya menguji ketulenan produk keluaran masing-masing yang dijual di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkata, syarikat barangan terbabit diarah membeli produk jenama keluaran syarikat masing-masing yang dijual di merata tempat termasuk di kedai runcit dan kedai kopi di luar bandar dan rancangan Felda.

Arahan itu dibuat selepas pertemuan dengan syarikat pengeluar ubat-ubatan dan barangan pengguna lain yang biasa digunakan oleh orang ramai untuk mengubati penyakit seperti ubat batuk dan ubat sapu, katanya di sini hari ini.

Megat Junid, yang ditemui selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Kampar, berkata ketulenan kandungan ubat-ubatan yang dijual di kedai-kedai perlu diketahui kerana kerajaan tidak mahu orang ramai terutama yang berpendapatan rendah berbelanja besar membeli ubat tiruan.

Awal bulan ini Megat Junid berkata 40 peratus ubat yang dijual di pasaran adalah ubat tiruan. Bagaimanapun kenyataan itu dinafikan oleh Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng yang berkata angka sebenar hanya kira-kira 17.1 peratus.

Megat Junid berkata, Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri semasa mesyuarat Kabinet lepas mengakui mendengar masalah ubat tiruan itu sejak 30 tahun lepas dan mahu perkara itu diatasi segera.

Megat Junid berkata, terdapat kira-kira 11,000 jenis ubat yang didaftarkan di negara ini dan daripada jumlah itu antara 10 dan 15 jenis sering ditiru terutama produk yang popular.

Beliau juga berkata syarikat-syarikat terbabit diberi tempoh sehingga 28 Ogos ini untuk mengemukakan hasil ujian ketulenan ubat jenama masing-masing yang dibeli daripada kedai-kedai kepada kementerian.

Katanya, maklumat itu akan membolehkan syarikat pengeluar bersama kementerian mempamerkan produk yang tulen dan tiruan sempena sambutan Hari Pengguna Sedunia Peringkat Kebangsaan yang dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 28 Ogos.

Megat Junid berkata, hasil ujian makmal itu peratusan ubat tiruan di pasaran akan diketahui dan tindakan setimpal diambil ke atas sesiapa yang terbabit mengeluarkan ubat tiruan itu. -- BERNAMA

LAT AKD